

23/12/2000

Isu Suqiu jadi tumpuan

Magendran Rajagopal; Teh Kean Kiat

AKHBAR berbahasa Cina dan Tamil minggu ini memberi tumpuan terhadap isu tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) sepanjang minggu ini, termasuk arahan Kabinet agar semua pihak termasuk menteri dan pemimpin masyarakat tidak berbincang, berdebat atau memberi kenyataan berhubung isu sensitif.

Nanyang Siang Pau dan Sin Chew Jit Poh semalam memetik Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim sebagai berkata, kerajaan tidak akan teragak-agak menggunakan Akta Hasutan untuk menahan dan mendakwa mereka yang terbabit dalam memberi kenyataan, berdebat atau berbincang berhubung isu sensitif.

Ini kerana ramai ahli politik dan pemimpin persatuan dikatakan mengambil peluang menggunakan isu Suqiu untuk mencapai matlamat dan kepentingan politik masing-masing.

Sehubungan itu juga, Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein dalam laporan Sin Chew Jit Poh keluaran Jumaat menasihatkan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) supaya 'jangan menang sorak, tetapi kampung tergadai'.

Akhbar Tamil tempatan, khususnya Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban) pula memberi penjelasan panjang lebar mengenainya sepanjang minggu ini.

Penerangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa tegurannya terhadap Suqiu dibuat dengan niat mengekalkan keharmonian dan perpaduan kaum menjadi inti pati utama ruangan editorial Nanban.

Masyarakat India juga semakin bimbang dengan kemelut berhubung 17 tuntutan itu dan beberapa akhbar mingguan turut menyiarkan kerisauan generasi tua era tragedi 13 Mei 1969 itu berulang.

Secara umum, tidak ramai generasi masa kini memahami apa sebenarnya berlaku dalam kejadian 1969 itu dan ekorannya itu, tidak begitu mengambil berat mengenainya.

Nesan pula menyifatkan nasihat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, supaya semua pihak berkenaan menghentikan perbalahan dan cuba memahami penjelasan Perdana Menteri. Beliau sebaliknya memberitahu bahawa Pemuda Umno bersedia mengadakan perbincangan untuk menyelesaikan isu berkaitan agama dan perkauman dengan cara yang rasional.

Akhbar Tamil juga menyuarakan kebimbangan mengenai budaya 'tembak dulu tanya kemudian' dalam pasukan polis, seperti kes ahli sukan basikal lasak, Mohd Sallehuddin Muslim, 18, yang ditembak mati oleh polis trafik di Kawasan Perindustrian Mak Mandin, Butterworth.

Kisah konstabel Tony anak Beliang, yang dipenjarakan lapan tahun baru-baru ini kerana menembak mati seorang doktor di Cheras dua tahun lalu, nampaknya tidak memberi sebarang pengajaran.

Hakikatnya, tindakan polis menembak penjenayah tidak dipertikai tetapi biarlah bersifat rasional dan seseorang yang disyaki itu dipastikan benar-benar bersalah.

Selain itu, hampir semua akhbar Tamil minggu ini menyiarkan rintihan pekerja ladang mengenai keadaan hidup mereka yang belum nampak ada kemajuan walaupun pelbagai jaminan diberi, baik kerajaan atau kesatuan.

(END)